

# Berakhirnya satu ujian

Reviu YUSOFF RAHMAN ✕  
dari Bandar Seri Begawan

SETIAP yang bermula akan berakhir dan terpadamnya obor Pesta Sukan Merdeka Brunei di sini malam tadi pasti meninggalkan rentetan nostalgia.

Ia juga akan mendedahkan segala kelebihan dan kekurangan setiap negara dalam perjuangan mengejar erti kegemilangan dalam tujuh cabang sukan yang dipertandingkan. 4 MAR 1990

Enam negara yang berada di garis yang sama untuk memulakan persaingan kini mengetahui siapakah yang meluncur jauh ke depan dan siapa pula yang tercicir jauh di belakang.

Seperti yang diramalkan oleh Chef-de-Mission, Basoe-ki, Indonesia akan bertahta dalam sukan ini dan sesungguhnya cetusan ramalan itu tepat sekali dengan pulangnya ke pangkuan negara bersama 19 pingat emas, 10 perak dan empat gangsa.


Singapura, yang pada 1985 dapat berbangga dengan sebutir pingat emas melalui acara kegemaran umum, bolasepak, mendapati perubahan masa tidak semestinya membawa arus kemajuan dari segi persembahan, dengan menduduki tempat keenam.

Sepaktakraw, sukan yang selalunya tidak dapat perhatian kerana terlindung dalam bayangan kecemerlangan para atlet lain daripada cabang-cabang sukan yang lain, untuk julung-julung kalinya menyelamatkan sedikit imej negara dengan mengutip pingat perak.

Dengan sebutir perak dan 14 gangsa, Singapura sebuah negara paling maju dalam pembangunan ekonomi di rantau Asean, rupa-rupanya mundur di gelanggang pergelutan sukan.

Sebaliknya, Brunei yang selalunya tercicir termasuk dalam Pesta Sukan 1985, kini boleh mendabik dada mereka bukan saja menduduki tempat keempat tetapi berjaya mengutip lima pingat emas, 12 perak dan 30 gangsa.

Empat daripada lima emas itu diperolehi di Pusat



**AKSI GIGIH:** Sheikh Alauddin Yacob (kanan) menyerang lawan dari Indonesia, Chaeruddin, dalam perlawanan pusingan pertama yang dimenanginya. — Gambar oleh ALBERT SIM.

Belia melalui silat — satu dalam silat olahraga dan tiga silat seni — dan satu lagi melalui menembak bahagian 'trap' berpasukan.

Jika ada sukan yang Singapura berjaya memenuhi ramalan awal, ia tidak lain daripada sepaktakraw antara regu tetapi kejayaan mengutip pingat perak tidak seharusnya digembar-gemburkan kerana Indonesia kemudian Brunei biasanya bukanlah tandiangannya.

Sebelum ini telah kedengaran suara-suara keyakinan seperti dalam acara perlumbaan bot tradisional tetapi pendayung-pendayung Republik yang tercicir.

Pingat-pingat gangsa Singapura diperolehi melalui dua cabang sukan — silat (enam) dan karate-do (lima).

Untuk berlaku adil, dua pesilat Singapura sekurangnya akan memperolehi pingat perak. Tetapi tragedi menimpa mereka pada detik-detik kejayaan kelihatan berada dalam genggaman keupayaan.

Dua pahlawan Republik,

Abdul Razak Yassin dan Sheikh Alauddin Yacob, terpaksa menerima keputusan yang masing-masing paling kkuatiri — dibatalkan perlawanan mereka gara-gara kedua-dua peserta dari Brunei itu tidak dapat meneruskan pertandingan.

Razak masih mendakwa beliau tidak sengaja tersiku dada kiri Hairwan tetapi peserta Brunei mengadu lehernya terkena pukulan tersebut, sementara Alauddin, pemenang pingat perak Sukan SEA Kuala Lumpur, juga mendakwa keadaan yang serupa dalam pertemuannya dengan Abdul Aziz Tuah.

Di gelanggang karate-do, juga terdapat rasa tidak puas hati dengan beberapa keputusannya. 4 MAR 1990

Pada keseluruhannya, sukan ini berjalan dengan memuaskan dan sambutan umum menggalakkan, terutama sekali acara bolasepak kerana Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang selalu lenggang kembali bergegar dengan tepukan dan jerih pekik penonton.